

NO. SOALAN : ³⁰⁹~~312~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN :

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] Minta PERDANA
MENTERI** menyatakan peruntukan pembangunan yang diluluskan dan
dibelanjakan di Negeri Sarawak dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut
bahagian masing-masing di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak merupakan antara negeri yang menerima peruntukan yang besar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10; 2011 – 2015). Dalam tempoh ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM18.1 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Sarawak. Bahagian yang menerima peruntukan yang terbesar adalah Kuching dengan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion. Dari segi perbelanjaan, sebanyak RM13.8 bilion atau 76.2% daripada keseluruhan peruntukan RMKe-10 telah dibelanjakan di Sarawak.

Bagi *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMKe-11 pula, Sarawak disediakan peruntukan sebanyak RM4.2 bilion dan peruntukan ini juga merupakan antara peruntukan yang terbesar bagi semua negeri dalam tahun 2016. Dari segi perbelanjaan, sehingga 11 Oktober 2016, sebanyak RM2.2 bilion daripada peruntukan tahun 2016 di Sarawak telah dibelanjakan.

Sekian, terima kasih.

November 2016